



Rujukan kami: PPDK/PPS/KGSK/04/11/001( )  
Tarikh : 21 Julai 2010

Kepada  
Guru Besar / Pengetua  
Sekolah-sekolah Daerah Klang

Tuan

**PANDUAN PELANTIKAN SECARA KONTRAK GURU BAHASA INGGERIS BAGI PROGRAM  
MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS.**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kementerian Pelajaran Malaysia melalui surat siarannya: KP(PP)0031/3(38) bertarikh  
16 Jun 2010 telah diberi tanggungjawab untuk urusan pengambilan Guru Kontrak  
Bahasa Inggeris bagi tahun 2011.

3. PPD Klang berharap agar pihak sekolah dapat memilih calon-calon yang  
memenuhi criteria seperti yang dinyatakan.

4. Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Pelajaran Daerah Klang. Borang  
yang telah diisi dan lengkap dengan dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan  
ke PPD Klang (u.p Hj Subhi b Md Hayyat) sebelum atau pada 20 Ogos 2010.

5. Bersama-sama ini dilampirkan surat siaran Bahagian Pengurusan Sumber  
Manusia mengenai perkara di atas.

6. Segala kerjasama yang tuan berikan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UINTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

  
.....  
(SHOKHIMI BIN SAMAN)

Penolong Pegawai Pelajaran Daerah  
b.p Pegawai Pelajaran Daerah Klang.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
(Ministry Of Education Malaysia)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
(Human Resource Management Division)  
ARAS 1-5 Dan 14, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)  
Faks : +603-8888 6292  
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami: KP(PP)0031/3/(38)

Tarikh: 16 Jun 2010

 Semua Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri

En. Jofari

*Saya urus dapatkan calon*

Tuan,

74  
Penolong Pengarah Kanan  
Unit Sekolah Rendah

**PANDUAN PELANTIKAN SECARA KONTRAK GURU BAHASA INGGERIS BAGI PROGRAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS.**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, selaras dengan pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah diberi tanggungjawab untuk urusan pengambilan guru kontrak Bahasa Inggeris. Bagi melaksanakan dasar tersebut sejumlah 200 orang guru-guru yang telah dan akan bersara wajib akan dilantik secara kontrak bagi tahun 2011. Pelantikan guru ini adalah secara kontrak untuk perkhidmatan (Contract For Service). Oleh itu, Bahagian ini memohon kerjasama tuan bagi memilih calon-calon tersebut berdasarkan bilangan jumlah calon yang telah diperuntukkan bagi setiap Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Taburan jumlah bilangan calon guru kontrak Bahasa Inggeris bagi dasar MBMMBI mengikut JPN bagi tahun 2011 seperti di Lampiran A.

3. Bagi tujuan pemilihan ini, tuan hendaklah memilih calon-calon yang mempunyai kriteria seperti berikut;

3.1 Pesara wajib bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang telah dan akan bersara wajib sebelum 1 Januari 2011.

- 3.2 Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tahun terakhir ialah 80 peratus dan ke atas.
- 3.3 Mempunyai tahap kesihatan yang baik.
- 3.4 Mempunyai opsyen pengajian Bahasa Inggeris dan berpengalaman mengajar Bahasa Inggeris.
- 3.5 Bebas daripada tindakan tatatertib sepanjang perkhidmatan

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dipohon untuk mengambil tindakan seperti berikut;

4.1 Memilih calon-calon yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam para 3 di atas untuk berkhidmat sebagai guru kontrak tersebut bagi tempoh satu tahun. Pelanjutan sesuatu tempoh kontrak adalah berdasarkan kepada perakuan JPN, tahap kesihatan calon yang baik dan juga markah LNPT calon-calon berada di tahap yang memuaskan iaitu 80 peratus dan ke atas.

4.2 Pihak tuan hendaklah mengemukakan senarai calon mengikut jumlah yang diperuntukkan mengikut format seperti di Lampiran berikut;

4.2.1 Lampiran B -- Senarai Calon-Calon Yang Dipilih Untuk Dilantik Sebagai Guru Kontrak Bahasa Inggeris Tahun 2011.

4.2.2 Lampiran C -- Senarai Calon-Calon Simpanan Untuk Dilantik Sebagai Guru Kontrak Bahasa Inggeris Sekiranya Calon Di Para 4.2.1 Menolak.

Kesemua maklumat ini hendaklah di kemukakan ke BPSM sebelum atau pada 30 Ogos 2010.

5. Untuk makluman tuan, setelah BPSM menerima dan menyemak perakuan tuan, BPSM akan mengeluarkan surat tawaran dan dokumen pelantikan calon berkenaan. Pihak

surat tersebut kepada calon-calon yang telah diperakukan. Pihak tuan juga dipohon mengambil tindakan berikut;

- 5.1 Memastikan pegawai berkenaan melengkapkan dan menandatangani borang Perjanjian Kontrak, Surat Setuju Terima Tawaran dan Laporan Kesihatan ke BPSM untuk tindakan selanjutnya.
  - 5.2 Membayar gaji dan elaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Kontrak.
  - 5.3 Memastikan pegawai menjalankan tugas-tugas yang telah diarahkan
  - 5.4 Menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai berkenaan
  - 5.5 Memperakukan kepada BPSM 3 bulan sebelum tarikh tamat kontrak pegawai berkenaan sekiranya perkhidmatan pegawai berkenaan diperakui untuk dilanjutkan.
6. Asas penetapan gaji adalah pada mata gaji di gred lantikan iaitu gred DG41 bagi PPS dan gred DGA29 bagi PPPLD. Kadar gaji yang ditetapkan adalah seperti berikut;
- 6.1 Pada mata gaji minimum di P1 sekiranya gaji akhir sebelum bersara lebih rendah daripada mata gaji minimum di gred jawatan yang ditawarkan
  - 6.2 Pada mata gaji lebih tinggi berhampiran di P1 dengan gaji akhir gred jawatan sebelum bersara sekiranya gaji akhir itu lebih tinggi daripada mata gaji minimum tetapi masih rendah daripada mata gaji maksimum di gred jawatan yang ditawarkan.
  - 6.3 Pada mata gaji maksimum di P1 sekiranya gaji akhir gred jawatan sebelum bersara lebih tinggi daripada mata gaji maksimum di gred jawatan yang ditawarkan.

7. Bagi lebih menjelaskan pelaksanaan pelantikan ini, Carta Aliran pelaksanaan urusan pelantikan dan juga urusan perlanjutan pelantikan Guru Bahasa Inggeris secara kontrak adalah seperti di Lampiran D dan E.

8. Di atas segala kerjasama yang tuan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(FARIDATUL AKMAR BINTI MAT TAIB)**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia.

s.k :

KSU

KPPM

TKSU (Pembangunan)

TKSU (Pengurusan)

TKPPM (Operasi Pendidikan)

TKPPM (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

TKPPM (Pembangunan Profesionalism Keguruan)

SUB (SM)